KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 28 APRIL 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | GOVT HOLD DURIAN FEAST WITH PEOPLE, SUPPLEMENT, KWONG WAH YIT POH -B7<br>SIM TZE TZIN: TURTLE RECEIVED TREATMENT THROUGH SURGERY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A8B<br>SIM SUGGEST GOVT IMPOSE RECYCLING CHARGES FOR TIN CAN, NEWS, NANYANG SIANG PAU (NORTHERN) -B1 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4. | GREEN SEA TURTLE UNDERGOES SURGERY TO REMOVE PLASTIC FROM ITS BODY, SEE HUA SUPPLEMET, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -4 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 5. | 200 NELAYAN PANTAI TERJEJAS, LAUT DAN SUNGAI TERCEMAR, DALAM NEGERI, UM -69 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 6. | STRATEGI NAFAS MODENKAN SEKTOR PERTANIAN NEGARA, SOAL JAWAB, BH -12 | PERTUBUHAN PELDANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 7.<br>8.<br><br>9.<br>10.<br><br>11.<br>12.<br><br>13.<br><br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br><br>19. | SELAMATKAN PADI NEGARA, MUKA DEPAN, BH -1<br>BROKER KAUT UNTUNG, PETANI TERDUDUK, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -3<br>GUNI 'PUTIH' PUNCA BPB- PESAWAH, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -3<br>TIADA APA YANG TINGGAL, APA NAK MAKAN?, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -3<br>BUKA PELUANG AMBIL ALIH NFC, SETEMPAT, HM -4<br>NELAYAN KESAL ADUAN TAK DILAYAN, TANGKAPAN MEROSOT, ALAM SEKITAR, BH -51<br>DURIAN: SYARIKAT MALAYSIA DAN CHINA JALIN KERJASAMA, NEWS, ASTRO AWANI -7<br>KENAL PASTI BARANGAN KEPERLUAN, NASIONAL, SH -17<br>FESTIVAL DURIAN MALAYSIA JADI TUMPUAN DI BEIJING, MUKA DUA, BH -2<br>A GROWING RICE BOWL, STAR LIFE STYLE, STAR -6<br>PROMOTING MALAYSIA'S DURIAN IN CHINA, NEWS, NST -3<br>TEMPOH PENGUATKUASAAN DILANJUT MULAI RAMADHAN, DASAR & PENTADBIRAN, BH -4<br>SARAWAK TARGET TO ACHIEVE FOOD EXPORT BY YEAR 2030, NEWS, SIN CHEW DAILY (KUCHING) -29 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt hold durian feast with people | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 59,667 |
| Page No | B7 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 228 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,556 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,669 |





◀民众蜂拥到国货嘉年华寻找果王。

## 槟《购买国货嘉年华》

# 官爷派榴梿与民同享

**（槟城27日讯）榴梿飘香季节，贸消部及槟州政府在皇后湾广场露天停车场联办《2019年购买国货嘉年华》周五晚开幕，免费招待民众吃榴梿，吸引许多民众排长龙争吃身骄肉贵的果王，榴梿成了全场迷倒众生的皇帝。**

当天晚上，国内贸易及消费部长拿督斯里赛夫丁为《2019年购买国货嘉年华》主持开幕。不过，大部分群众都围绕在榴梿档口周围，痴痴地等榴梿开包。

那一个榴梿狂欢夜，部长及议员们在镁光灯下满头大汗剥榴梿，分派给排队等候的人群。带刺榴梿让官老爷更亲民，榴梿也成了当晚最受青睐的国货。

陪同剥榴梿的议员包括：峇央峇鲁国会议员沈志勤及峇都茅州议员拿督阿都哈林及槟州贸消局总秘书拿督梅兹。#



《购买国货嘉年华》开幕，（右起）沈志勤、赛夫丁及阿都哈林派送榴梿，全场骚动。

Powered by: isentia

| Headline | Sim Tze Tzin: Turtle received treatment through surgery | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A8b | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 367 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,115 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,345 |



# 海龟动手术获救治

## 沈志勤：误食塑料袋



沈志勤向记者出示海龟被救起照片，并希望民众有必要提高环保意识，以降低塑料及垃圾对于环境的危害

（槟城27日讯）把塑料袋当水母误食的一只海龟，已获大马渔业局救治，包括动手术从其肚肉取出塑料袋，海龟恢复力夷。

农业与农基工业部副部长沈志勤表示，霹雳州渔民4天前将一只海龟救起，并将海龟送往渔业局救治。"救治时，发现海龟误吞塑料袋成水母，误食塑料袋后导致无法正常排泄，需通过手术将其肚子内的塑料袋取出。"

"所幸，最后这只海龟恢复力夷。"

"由此可见，塑料袋对环境及生态影响及伤害极大，希望民众勿将塑料袋及垃圾丢入入海洋，以造成对大自然环境和生物的伤害。"

他希望民众有必要提高环保意识，以降低塑料及垃圾对于环境的危害。

沈志勤周六中午出席在菁央吉普为阳光广场配合地球日推介的拯救地球使命"阳光爱心计划"向塑料袋与塑料吸管说不运动主持推介后，如是指出。

## 希盟执政100天内
# 兑现80%竞选宣言

农业与农基工业部副部长沈志勤指出，希盟在执政100天内已兑现80%的竞选宣言，其余的20%在落实实践中。

也是希盟宣言策划人之一的他说，希盟在大选前的竞选宣言中分为两大部分，于执政100天内已兑现了10大事项，其余的则将在5年执政期间兑现剩余的60项承诺。

针对希盟竞选宣言只兑现部分的指责，他表示，国阵在过去的竞选宣言中也未全部兑现，但却没有人质问。

他举例，国阵曾许诺兴建100万间可负担房屋，不过根据数据显示只建了8986单位而已。

他也呼吁民众给予希盟政府再多一点时间，因为兑现承诺并非一日就能实行的。

沈志勤是于周六出席在菁央吉普为阳光广场配合地球日推介的拯救地球使命"阳光爱心计划"向塑料袋与塑料吸管说不运动主持推介后，如是指出。




余锦明（右）与沈志勤（左）共同主持推介拯救地球使命"阳光爱心计划"向塑料袋与塑料吸管说"不"运动

### 默迪卡民调非全国意见

另外，针对默迪卡民调中心最新民调显示中，希盟在执政快满一周年时，首相敦马哈迪和希盟的支持率的大幅下降的问题，沈志勤表示，这项调查只是抽样方式进行，是部分人意见，不代表全国人民的意见。

他表示，希盟政府是负责任的政府，他认为只是反对党挑起种族课题，目的是要让人民憎恨政府，造成各族之间的仇恨。

他说，希盟政府致力恢复国家经济，而目前已解决一马公司、联邦土地发展局（Felda）等问题，"一旦东铁、马来西亚城等计划的重启，将会有助国家经济发展。"

他也说，目前我国的经济已逐步好转，相信大马经济于今年尾或明年复苏。

### 槟环保政策可再下一城

此外，也是菁央吉普国会议员的沈志勤说，槟州政府可在环保政策上再下一城，其中包括增加塑料袋征收费用，以养成民众携带环保袋出门习惯。

他说，槟州政府除了实施减少塑料袋及塑料吸管，他也建议州政府可以仿效欧洲政策，在消费者购买含有铝罐的饮料时，也向消费者收取额外的铝罐回收费。

"其消费者必须在退回铝罐后，有关回收者才可以将回收费退还予消费者。"

"同时，我也建议各大广场及食肆，置放机器，供民众置入铝罐，以达成回收效果及环保效果。"

### 余锦明：80%海洋垃圾来自陆地

阳光零售连锁集团总经理余锦明表示，根据一项调查显示，80%海洋垃圾来自于陆地，经过风吹及降雨后流入海洋。

"因此，为了灌输民众环保意识，该广场也将在今天开始停止提供吸管。"

"而且，凡是消费超过80令吉以上的消费者，该广场将会赠送钢铁吸管，至于消费超过50令吉则会赠送环保袋。"

为了配合地球日对塑料袋及吸管说"不"运动，菁央吉普广场推介拯救地球使命"阳光爱心计划"向塑料袋与塑料吸管说不运动，为环保献上一份力。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim suggest govt impose recycling charges for tin can | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau (Northern) | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 16,000 |
| Page No | B1 | Readership | 48,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 507 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 928 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,784 |



## 沈志勤：仿效欧洲
# 建议收铝罐饮品回收费

（槟城27日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤建议州政府考虑仿效欧洲向消费人回收铝罐的形式，以加强民众的环保意识，极力达致实际回收铝罐的真正目标。

他表示，在欧洲国家已实行向消费人额外收取铝罐饮品回收费的政策，消费人退回空铝罐后，才将回收费退回给消费者。

### 应推行不给塑料吸管

沈志勤也是峇央峇鲁国会议员，他今日在峇央峇鲁为阳光广场配合地球日推介的拯救地球使命“阳光爱心计划”向塑料袋与塑料吸管说不运动主持推介后，在新闻发布会说话。

他建议超市、餐饮中心和茶室也推行该计划，并设置回收机回收铝罐。

沈志勤指出，目前渔业局救起一只误食塑料袋的海龟，动手术后在其肚子里取出许多塑料袋，救回一命；他认为那是人为的破坏大自然环境，以致对海洋生物造成灾害。

另一方面，他说，槟州政府可在环保政策上更上一层楼，其中包括提高塑料袋费用，由现有的20仙提高至50仙，促成民众更加自发携带环保袋购物的习惯。

沈志勤补充，茶室或餐馆应推行强制性实施不给塑料吸管的政策，除非食客要求下才提供；环保使命并非单靠政府推行，民众的配合和主动参与非常重要。




沈志勤（左）为峇央峇鲁为阳光广场“阳光爱心计划”向塑料袋与塑料吸管说不运动主持推介，右为余锦明。

# 阳光集团响应州政府 向塑料袋塑料吸管说不

阳光零售连锁集团总经理余锦明指出，为配合世界地球日，该集团推行“拯救地球使命”的计划，以响应州政府实施的向塑料袋与塑料吸管说不的运动。

他表示，塑料是造成环境污染问题之一，也破坏了周遭环境系统，因此该集团在全国领先响应向塑料袋和吸管说不的运动。

他说，阳光集团致力以行动来减少塑料对环境的影响，成为我国首家宣布禁止塑料吸管的超市，即日起不提供任何塑料袋和塑料吸管予消费者。

余锦明说，在阳光广场购买超过50令吉将免费获得赠送环保袋，而购买超过80令吉则会获得赠送环保吸管。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Green sea turtle undergoes surgery to remove plastic from its body | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News (Kuching) | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | See Hua Supplement | Circulation | 63,549 |
| Page No | 4 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 44 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 247 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 740 |



# 直腸阻塞無法排便 綠海龜動手術取塑料

**曼绒27日讯**｜吞食塑料物导致直肠阻塞，雌性绿海龟无法排便而病重！

大马渔业局日前上载一条推特贴文，指说霹雳昔加里海龟保护及信息中心（TCIC）日前抢救一只雌性绿海龟时，发现其直肠内满是塑料、树叶及食物，因而患病。

庆幸的是该头雌性海龟被当局及时发现，动手术取出直肠内的塑料及杂物，目前已恢复健康，并被取名为「宝贝」（Baby）。

此推特贴文分别吸引数千人转推，其中包括农业与农基工业部副部长沈志勤，而推友们也纷纷留言，希望该绿海龟早日康复，并谴责人类的破坏环境、威胁其他生物的行为。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 69 |

# 200 nelayan pantai terjejas, laut dan sungai tercemar

**PULAU PINANG 27 April** - Lebih 200 nelayan pantai di Changkat, Seberang Perai Selatan (SPS) di sini terjejas sumber pendapatan mereka berikutan masalah pencemaran sungai dan laut yang semakin serius di kawasan itu.

Kejadian yang sudah berlarutan lebih 10 tahun itu gagal diambil tindakan oleh kerajaan negeri dan jabatan terlibat walaupun berpuluh aduan dibuat nelayan terbabit.



S.M MOHAMED IDRIS

Presiden Sahabat Alam Malaysia (SAM), S. M. Mohamed Idris berkata, masalah itu menyebabkan sumber utama nelayan pantai seperti ikan, udang, kerang, siput, sotong dan ketam merosot hingga 70 peratus.

Tambah beliau, tinjauan pihaknya mendapati air sungai dan laut di kawasan berkenaan terlalu kotor dan berbau busuk.

"Selain warnanya yang hitam pekat dan berminyak, berbagai bahan buangan termasuk plastik memenuhi permukaan air serta mendap di dalam lumpur.

"Keadaan tersebut dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa oleh kilang kelapa sawit, ladang ternakan ayam serta tapak pelupusan sampah yang terdapat di daerah itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan negeri, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertindak segera bagi menangani masalah itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | BERITA HARIAN | SOAL JAWAB | 12 |

# Strategi NAFAS modenkan sektor pertanian negara

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kini melihat keperluan untuknya menjadi pemimpin dalam memodenkan sektor pertanian negara dengan meneroka secara besar-besaran bidang pengeluaran pertanian dan bukan semata-mata berfungsi sebagai pengurus baja subsidi. **Fahmy A Rosli dan Ilah Hafiz Aziz, menemu bual Datuk Phahrolrazi Mohd Zawawi selaku Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS** yang membicarakan mengenai strategi baharu pertubuhan mewakili lebih 800,000 ahli di seluruh negara.

> Kita akan terbabit dalam skala besar dalam industri berkaitan dengan padi, ayam, makanan haiwan dan isu berkaitan dengan dagangan dan pemasaran barang pertanian. Barulah boleh kita menurun dan mengawal harga makanan"
>
> ***Phahrolrazi Mohd Zawawi,*** *Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS*

**S: Apa hala tuju NAFAS sejak Datuk mengambil alih jawatan pengerusi?**

**J:** Dalam dalam tempoh yang singkat ini, saya mengkaji dan melihat, selain mendapat maklumat daripada rakan-rakan NAFAS. NAFAS adalah organisasi bukan GLC (syarikat berkaitan kerajaan), sebaliknya agensi kerajaan mengikut Akta 109. Ia sebenarnya agak istimewa kerana mempunyai pemegang saham terdiri daripada ahli peladang melalui Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

NAFAS juga mempunyai tanggungjawab kepada kerajaan. Apabila melihat organisasi ini dan perjalanannya, saya dapati 96 peratus perniagaan NAFAS berkaitan baja subsidi (sehingga sekarang), hanya empat peratus dalam perniagaan berskala kecil membabitkan beberapa syarikat. Ada syarikat subsidiari yang kita kuasai sepenuhnya dan ada yang kita usaha sama (JV) dengan pihak lain. *Volume* lebih kurang empat peratus antara contohnya, NAFAS *Food*, terbabit dengan ayam; ada yang terbabit dengan nurseri, makanan ternakan dan jentera tetapi semuanya berskala kecil.

Antara hala tuju baharu adalah pengurusan. Kita melantik seberapa segera sejak saya pegang jawatan pengerusi. Pada 1 Februari (lalu) saya memproses untuk (lantik) pengurus besar sebab ketika itu jawatan itu kosong. Banyak jawatan yang telah digantung dan tiada. Jadi, langkah pertama adalah melantik Pengurus Besar dengan secara laluan pantas menggunakan kuasa Menteri (Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub) untuk melantik Ahmad Shaari, yang berpengalaman dan dahulunya pegawai kanan FELCRA. Itu tindakan yang kita buat.

Untuk perjalanan sedia ada, kita membuat penyusunan semula dengan mengisi jawatan kosong dan mahu pastikan perniagaan sekarang mesti memberi pulangan. Jadi, kita kaji semua perjalanan syarikat sedia ada supaya memberi pulangan ataupun kita ambil tindakan. Itulah langkah yang kita buat sekarang dalam tindakan pengurusan. Begitu juga dalam tindakan pengurusan adalah memodenkan perjalanan atau menaik taraf sistem pengurusan kerana kita organisasi yang besar. Tidak boleh lagi bergerak secara manual dan mestilah menggunakan kaedah bersesuaian sebagai sebuah syarikat yang besar.

Oleh kerana NAFAS berniaga dalam satu perniagaan iaitu baja sahaja, kita akan meneroka bidang lain, sekali gus tidak bergantung kepada baja sahaja. Bergantung kepada baja ini pun sudah ada satu petunjuk bahawa mungkin pada tahun lalu, kerajaan sudah mula memanggil tender untuk dibuka iaitu dasar Pakatan Harapan (PH), kerajaan baharu nak liberalisasikan kerana tak mahu lagi monopoli. Ada pemikiran tidak semestinya baja ini diberi kepada NAFAS. Kita sudah merayu kepada kerajaan, sekiranya ditarik agihan baja subsidi, NAFAS secara automatik akan mati sebab 96 peratus bergantung kepada baja. Itu sudah menjadi satu petunjuk pada masa depan bahawa NAFAS tidak boleh lagi bergantung kepada perniagaan baja sahaja. Mesti melihat bentuk perniagaan lain yang pada masa sama menjalankan dasar kerajaan untuk kita jalankan.

**S: Ada perancangan untuk lupus anak syarikat yang tidak berdaya saing?**

**J:** Syarikat NAFAS Modal Insan (Sdn Bhd) yang kita buat cawangan dengan UniKL (Universiti Kuala Lumpur). Kita ada kolej tetapi cadang nak tutup kerana sambutannya tidak begitu baik. Jadi, itulah perniagaan yang ada. Selepas mengambil alih, saya terpaksa melihat semula perjalanan (operasi) NAFAS kerana organisasi ini diberi hak mengikut peruntukan penubuhan dan akta membolehkan menjalankan perniagaan berkaitan pertanian bagi kepentingan pemegang saham yang berjumlah menghampiri 890,000 ahli peladang. Sekarang, saya sedang merancang hala tuju yang baharu untuk NAFAS.

**S: Adakah NAFAS terjejas jika tender terbuka pembekalan baja subsidi dilaksanakan kerajaan?**

**J:** Sebenarnya, kalau ia berlaku NAFAS hampir-hampir lumpuh. Kilang kita dan sebagainya hampir lumpuh, tetapi untuk tahun ini, kita sudah merayu kepada kerajaan. Pengurusan baharu dan saya merayu kepada menteri oleh kerana kita baru masuk dan sebagainya. Kena beri masa kepada NAFAS untuk menyusun perniagaan supaya tahun ini diberi perniagaan baja kepada NAFAS. Seperti yang disebut oleh Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Amiruddin Hamzah) memang pertimbangan diberi kepada NAFAS dan kami difahamkan bahawa memang sebahagian daripada kelulusan itu kita sudah mula dapat. Kita belum dapat 100 peratus tetapi keputusan awal atau peringkat awal baja mula kita terima surat kelulusan daripada kerajaan.

**S: Adakah NAFAS bersedia jika kerajaan laksanakan kaedah tender terbuka baja subsidi?**

**J:** Masa sekarang NAFAS perlu diberi masa oleh kerajaan sebab kita mahu buat satu rancangan. NAFAS hendaklah mempelbagaikan perniagaan sebab ia dibenarkan untuk memperbesarkan perniagaan sedia ada kalau berdaya maju. Sebab itu, apabila kita merujuk hala tuju NAFAS kepada menteri, beliau menyebut dan menggariskan peranan NAFAS adalah satu agensi yang akan melengkap dasar kerajaan kerana ia menjalankan perniagaan dalam bidang termasuk dalam skop kementerian. Melihat isu ini, antara perkara menjadi cabaran sebenarnya kita mempunyai import makanan yang terlalu besar. Itu masalah yang sedang dihadapi. Sebagai contoh, petunjuk 2016 untuk makanan sahaja RM46.7 bilion kita import. Penternakan sahaja RM6.9 bilion; perikanan RM3.8 bilion; tanaman RM23.9 bilion dan lain-lain makanan haiwan termasuk produk lain merekodkan RM12.2 bilion. Kemudian yang terbabit dengan pertanian seperti baja, jentera dan sebagainya RM6.5 bilion. Juga produk lain seperti ikan hiasan dan hasil hutan ada dalam RM31.4 bilion. Ketika ini, kalau kita lihat angka itu begitu besar. Sekarang dalam hala tuju pertanian yang digariskan menteri adalah supaya adalah lima teras termasuk memodenkan sistem pertanian untuk menaikkan hasil pertanian. Begitu juga memudahkan sektor swasta untuk masuk melabur dan sebagainya. Ia memberi satu tugas yang amat berat untuk NAFAS dalam konteks pelaksanaan iaitu nak menurunkan sebahagian daripada import barang makanan sedangkan keluaran makanan ini boleh dilakukan di sini (secara domestik) kecuali bahan makanan seperti gandum itu tidak boleh. Kalau hasil padi kita import dalam 70 peratus, beras kita import dalam RM4.3 bilion sedangkan padi boleh ditanam di sini. Cuma untuk mengatasi masalah, mesti ditingkatkan hasil. Ini antara arahan yang diminta oleh menteri dan juga kita import ternakan banyak. Ayam, hasil tenusu dan telur burung pun kita import dalam RM3 bilion lebih. Sayur-sayuran RM5 bilion.

Sekarang untuk pastikan supaya kita mengurangkan import, maka NAFAS akan pelbagaikan perniagaan. Kita akan terbabit dalam skala besar dalam industri berkaitan dengan padi, ayam, makanan haiwan dan isu berkaitan dengan dagangan dan pemasaran barang pertanian. Barulah boleh kita menurun dan mengawal harga makanan. Kita menjadi satu pemain peneraju yang penting dengan peranan kita ada.

**S: Ada perancangan NAFAS untuk merancakkan perniagaan sedia ada?**

**J:** Sasaran kita untuk perbesarkan. Dalam industri baja kita sudah ada dan perolehannya lebih RM1 bilion campur-campur semua urusan berkenaan dengan baja termasuk kilang plastik dan sebagainya. Sebanyak 20 peratus daripada semua perniagaan yang kita sasarkan. Dalam bidang lain kena sasar RM1 bilion seperti ayam, daging, perladangan dan perdagangan. Anggaran RM1 bilion ini sebenarnya ia mengurangkan import antara 20 hingga 30 peratus daripada jumlah import. (Jangkaan kurangkan import) Dalam 20 peratus perniagaan kita tetapi dalam konteks jumlah import sebenarnya ia pergi hampir 30 peratus. Tidak bermakna NAFAS akan capai 100 peratus kerana ini usaha sama dengan pihak swasta tetapi kita menerajui industri itu.

**S: Bagaimana inisiatif ini akan dapat memberi manfaat kepada 800,000 ahli peladang seluruh negara?**

**J:** Apabila kita secara besar-besaran bekerjasama dengan pihak yang sudah berjaya dan ada rekod serta prestasi baik, kita jangka hasil (pertanian) dalam negeri akan meningkat walaupun ambil masa. Apabila meningkat, kita akan pantau. Apabila hasil ditingkatkan maka keperluan import boleh dikurangkan untuk elakkan lambakan. Kalau lambakan kita memang hadapi masalah. Memang itu matlamat kerajaan untuk kurangkan import dan memberi fokus peningkatan hasil dalam negeri. Kesannya, secara tak langsung, apabila hasil dalam negeri sudah meningkat tentu ia bakal mewujudkan peluang pekerjaan. Kita juga boleh wujudkan ladang kontrak dengan peladang yang boleh turut serta dengan projek. Misalnya, apabila kita sudah ada ladang ayam, pengusaha yang kecil-kecil itu, pertama mereka boleh menggunakan teknologi latihan daripada kita. Kedua, kita akan jamin pasaran untuk mereka. Jadi, mereka akan dapat manfaat. Itu langkah kita ambil untuk bantu petani.

**S: Apa strategi NAFAS untuk majukan petani, modenkan sektor pertanian dan kurangkan import?**

**J:** Kita sudah ada satu perancangan untuk terbabit secara besar-besaran dalam bidang yang berkaitan, misalnya padi. Dulu NAFAS tidak terbabit dengan padi, namun sekarang kita mahu terbabit dengan industri padi. Kita akan masuk dalam industri padi secara holistik daripada apa yang berkaitan dengan persiapan padi sehingga pemasaran. Dengan pembabitan ini, kita akan memperkenalkan teknik-

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | BERITA HARIAN | SOAL JAWAB | 13 |



teknik baharu, teknologi baharu dalam industri padi sekali gus ia akan membantu meningkatkan hasil. Apabila ada hasil, itu akan menggalakkan petani menggunakan teknologi baharu.

Sekarang ini, kita kena cari tanah, kena buat perundingan, nak kena tengok kaedah serta teknik yang kebanyakan saya fikir terpaksa diimport. Saya rasa teknologi padi atau pertanian mesti kita import. Itu kita kena mengaku, kita memang terkebelakang dalam industri pertanian. Sebagai melaksanakan hala tuju kementerian untuk memodenkan sektor pertanian, kita tak boleh pergi secara kecil-kecil kerana tidak ekonomi. Apabila kita buat dalam skala besar, dari situ kita boleh masuk mesin, buat penyelidikan dan pembangunan (R&D), guna teknologi baharu atau benih baharu. Dengan cara itu barulah kita boleh mula untuk memodenkan.

Kita juga nak ceburi industri ayam yang sekarang adalah makanan asasi kita tetapi import pun cukup besar. Kita pun cuma dapat menyediakan separuh sahaja. Lebih RM3 bilion nilai kita import ayam. Ini, kita akan masuk secara berskala besar. Ia juga mesti usaha sama dengan pihak swasta dan dengan kepakaran pihak swasta. Kita akan kenal pasti pihak swasta yang lebih moden (teknologi) kerana semua sekarang sudah moden dan automasi. Kita sudah melawat beberapa tempat dan banyak tempat berhubung dengan kita untuk usaha sama dengan kita. Yang syarikat tempatan pun ada dan luar pun ada. Sebenarnya, kita memerlukan kepakaran dan teknologi baharu. Kita sedia maklum, ayam bukan boleh diternak secara terbuka dan kena dibuat secara tertutup mengikut SOP (prosedur operasi standard) ketat.

Saya sekarang ini tengok yang relevan dan terbaik dengan kita adalah dari Thailand antara mempunyai industri pertanian yang agak maju kehadapan. Dalam beberapa lawatan saya, mereka bersetuju untuk membantu kita dalam industri ini.

**S: Thailand dilabel kuasa besar dalam industri pertanian. Apa yang boleh kita pelajari supaya Malaysia boleh menghasilkan produk atau hasil setanding negara berkenaan?**

**J:** Selalunya naratif pada pemikir dan pembuat dasar, kita anggap import lebih murah daripada kita buat dalam negeri. Patut yang jadi cabaran kepada kita mengapa Thailand boleh menghasilkan barang dengan harga yang kompetitif. Sedangkan harga minyak di Thailand mahal dan tiada subsidi. Mengapa mereka boleh? Dalam lawatan saya ke sana mendapati mereka banyak menggunakan kaedah dan teknologi yang baharu, benih serta R&D baharu. Mereka tidak berjaya dengan begitu mudah sebaliknya perlu melalui R&D, barulah mereka capai kejayaan. Kita kalah di situ. Kita berharap melalui NAFAS dapat mengorak langkah seperti mana hala tuju yang menteri letakkan.

Saya mengambil satu sikap yang positif dan terbuka sekiranya kita tidak cukup kepakaran, saya bersedia melantik (pakar) dari luar datang bantu kita. Jangan kita cakap tidak boleh buat, tidak apalah atau sudahlah tetapi kena fikir mengapa kita tidak boleh menjemput pakar-pakar untuk kita bayar dan bekerja dengan kita. Ataupun kita hantar kakitangan kita belajar di sana. Kurang maju mesti belajar daripada yang maju. Kalau tidak kita tidak boleh berubah.

**S: Petani di Malaysia dilihat terlalu bergantung kepada subsidi. Kerajaan baharu pula didakwa mengurangkan subsidi. Apa pandangan datuk?**

**J:** Subsidi di Malaysia sudah jadi budaya. Apabila saya merujuk petani di Thailand, sebenarnya mereka kurang menerima subsidi daripada kerajaan. Oleh kerana daripada awal dahulu, kita mula bagi subsidi makna kata mereka yang terbabit dalam pertanian ini berada dalam zon selesa. Apa-apa yang kurang, kerajaan subsidikan. Sebenarnya, untuk jangka masa panjang tak cukup baik untuk kita. Contohnya padi, kita banyak subsidi untuk baja, racun dan benih. Kemudiannya harga padi pula subsidi lagi. Begitu banyak sekali subsidi. Sebab itu subsidi, saya lihat hasilnya rendah dan hanya dapat dalam lima ke enam tan. Ada sesetengah pula dapat tiga tan. Walaupun begitu banyak diberi subsidi. Tetapi dalam pengiraan yang dibuat, ada pihak di tempat kita sendiri ada yang dapat 10 hingga 12 tan ke atas.

Sebenarnya, sudah cukup kerana kerajaan boleh mengurangkan subsidi bila kita sudah sampai satu hasil yang tinggi. Isunya, hasil rendah perlu kepada subsidi, tetapi hasilnya sudah tinggi. Sepatutnya kerajaan sudah automatik boleh mengurangkan subsidi seperti yang berlaku di negara lain. Cuma kita tidak boleh nafi dalam industri pertanian sebenarnya di mana-mana negara ada subsidi termasuk di Amerika Syarikat dan Jepun. Mungkin cara mereka beri subsidi mungkin dikecualikan jentera pertanian daripada cukai tinggi atau duti eksais tinggi. Mungkin dalam bentuk begitu untuk menjadikan mereka lebih kompetitif. Amerika Syarikat juga beri subsidi sebab nak eksport soya atau jagung ke luar negara supaya harga kompetitif. Itu sebab beri subsidi. Tidak seperti mana yang diberi oleh kerajaan kepada kita, terlalu banyak subsidi tetapi petani mestilah mahukan begitu. Bagaimanapun, dalam konteks untuk mengembangkan pertanian sebenarnya bukan seharusnya bergantung kepada subsidi.

**S: Subsidi padi diberi melebihi RM1 bilion setahun tetapi hasil yang pesawah dapat kurang, tidak banyak. Kebanyakan mereka pula daripada golongan B40. Bagaimana untuk kurangkan subsidi?**

**J:** Ini yang ditugaskan kepada NAFAS untuk kita jadi peneraju. Kita kena wujudkan satu model dalam konteks pertanian khususnya industri padi. Sebab itu, kami sedang rancang sekarang NAFAS sendiri kena terbabit dengan industri padi. Dalam konteks yang lebih lengkap dalam rantaian bekalan. Ini kerana ada pihak yang sebenarnya terbabit dengan industri padi mungkin ada kawasan padi yang luas pada skala yang besar dia ada traktor sendiri, ada mesin sendiri selain kilang sendiri. Sebenarnya mereka mendapat hasil cukup baik. Itu sebenarnya peranan NAFAS supaya kita masuk dalam industri ini dengan satu kepakaran dan dengan pemodenan yang kita perlu buat, maka dengan itu akan menjadi galakan kepada petani untuk mengambil kaedah atau model baharu dalam industri padi. Dengan cara itu, kita boleh meningkatkan hasil.

**S: Adakah model lama Jabatan Pertanian atau agensi berkaitan tidak berjaya melonjakkan hasil padi?**

**J:** Model yang ada sekarang ini disedari oleh Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Pertama, keluasan tanah itu kecil dan tidak ekonomi. Kedua, mereka yang terbabit dalam industri ini adalah golongan sudah berumur. Mungkin dulu muda, tetapi sekarang sudah berumur 60, 70 tahun. Generasi muda pula tak mahu. Itu model yang ada sekarang. Kita sekarang terpaksa ubah supaya pengurusan kawasan padi contohnya tidak boleh dibuat pada skala kecil sebab tak ekonomi. Sebab itu, mereka terpaksa bergantung kepada upah traktor, bergantung kepada segala upah-upah yang ada. Mereka melakukan kerja separuh masa sebab tak besar. Tetapi kalau kita buat secara lebih besar antaranya dengan cara menyembur racun pakai dron.

Jadi, apabila kita buat macam itu sebenarnya akan mengajak anak muda atau generasi baharu masuk dalam industri ini menggunakan latihan yang kita buat. Barulah menarik untuk generasi baharu masuk sama sebab mereka akan peroleh satu pendapatan yang tinggi. Mereka masuk bidang petani dengan satu kepakaran. Tidaklah masuk seperti macam tradisi, tabur benih dan sebagainya. Itu kaedah lama. Sekarang terpaksa guna kaedah yang lebih moden. Ia juga mesti melengkapi pengurusan rantaian bekalan. Maknanya ia mesti daripada baja, pergi kepada meracun, tanam padi, sampai ke kilang, pemasaran mesti lengkap. Barulah boleh ia menjadi satu perniagaan yang lengkap dalam industri.

**S: Apa perkembangan tender baja subsidi yang akan diberi kepada NAFAS?**

**J:** Alhamdulillah, apabila saya dan rakan lain mengambil alih NAFAS, itu antara perkara yang kami minta kepada kerajaan supaya diteruskan subsidi baja dan diberi kepada NAFAS pada tahun ini. Setakat maklumat yang kita ada, kerajaan nampaknya bersetuju. Oleh kerana dasar ini mungkin berlaku pada Januari dan sebagainya, ada sikit masalah yang kita hadapi. Sebelum itu, kita tahu kontrak itu belum tentu diperbaharui lagi. Jadi tak seperti tahun-tahun sebelumnya. Itu sebab berlaku kelewatan sebab dasar pada awalnya tak diberi, kemudian beri kelihatan ia macam sudah mengganggu dalam konteks pembekalan tetapi apabila kerajaan buat keputusan, kami akan buat persiapan. Mungkin dalam masa singkat terpaksa cari jalan supaya pastikan jadual baja bagi petani dan kami boleh bekalkan mengikut jadual. Insya-Allah.

**S: Kalau berlaku kelewatan tender, bagaimana proses agihan baja?**

**J:** Yang jadi kelewatan adalah panggil tender pada Jun selepas kerajaan baharu untuk dibuka kepada pembekal. NAFAS salah satu yang memasuki tender. Ambil masa begitu lama buat keputusan dan sebagainya. NAFAS ini oleh kerana kita tahu belum tentu mendapat tender atau kontrak itu. Kesannya, NAFAS tidak boleh membeli bahan mentah atau stok untuk memproses melainkan sudah pasti kata dapat kontrak. Itu ada sedikit terjejas antara tempoh sama ada nak bagi kepada NAFAS atau dibuka (tender baja). Jadi kita agak rumit pada mulanya. Itu yang mula terjejas sikit. Bagaimanapun, kami masih ada stok yang boleh kami hantar.

**S: Maksudnya, tender untuk tahun ini belum ada?**

**J:** Untuk tahun ini, tender yang diberikan itu keputusan kerajaan. Sekarang masih akan diberikan kepada NAFAS pada 2019. Itu mengikut maklumat yang kita terima.

**S: Sekarang, NAFAS gunakan stok baja subsidi lama?**

**J:** Ya, yang lama. Dari segi harga semua menggunakan kadar yang lama. Kita ada stok. Namun, untuk satu jumlah yang besar membabitkan kontrak yang baharu 2019, tidak adalah. Kita perlu surat rasmi daripada kerajaan.

**S: Ada rancangan untuk menubuhkan Bank Peladang?**

**J:** Ada satu resolusi yang pernah dibuat untuk wujudkan Bank Peladang tetapi sebelum pelaksanaannya, pengurusan terdahulu sudah menubuhkan dana peladang. Dana itu ada dalam pengurusan kita. Mungkin kita lihat kalau dana ini berkembang, Insya-Allah kita boleh mohon kepada kerajaan. Pada peringkat ini belum fokus sebab saya mahu fokus hal lain walaupun ada (cita-cita) ada sebab dana sudah ada cuma nak dijadikan bank. Tetapi kita tak fokus lagi pada ketika ini sebab tak mampu lagi. Bank ini urusannya memang terlalu besar. Lagipun Bank Pertanian (Agro Bank) ada. Kami tidak mahu fikir lagi setakat ini.

**S: Masalah urus tadbir yang membelenggu NAFAS, jaminan perkara itu tidak akan berlaku di bawah pengurusan baharu?**

**J:** Saya kira dalam sejarah 40 tahun (penubuhan) NAFAS, itu kali pertama operasi NAFAS digantung. Mungkin keputusan itu dibuat Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai pemeriksa tetapi harap dalam pengurusan baharu ini, kita mengambil iktibar perkara lalu supaya peraturan itu diperhatikan. Pastikan juga jangan ada penyelewengan dan itu pun menjadi dasar kerajaan baharu. Kita punya misi pun untuk pastikan semua perjalanan mengikut perancangan dan mengikut peraturan. Ada ketelusan dan tidak ada penyelewengan sememangnya menjadi dasar Kerajaan Pakatan Harapan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/4/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

■ BIL 16 TAHUN KE-56 ■ PP363/01/2013 (031693) ■ RM2.00 (SEMENANJUNG/SABAH/SARAWAK)

MINDA RAKYAT

80 1939-2019 PERJUANGAN & PENGORBANAN

# MINGGUAN MALAYSIA

AHAD 28.04.19 22 SYAABAN 1440

Akhbar Nasional No. 1



Tiga bulan fasih hafal al-Quran

»64




# SELAMATKAN PADI NEGARA

- Penjualan benih padi tidak sah, lebih popular 'padi hantu' dalam kalangan pesawah membimbangkan.
- Broker jadi dalang kaut untung lumayan jual benih padi berisiko berpenyakit yang tidak tahu asal usulnya.
- Ancam industri padi negara, turut jejaskan pesawah sehingga hilang 80 peratus hasil semusim.
- Punca penyebaran penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).
- Sebanyak 6,329 hektar sawah diserang BPB sejak November 2017 hingga Januari lalu.

BERITA PENUH DI MUKA 3

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

Hasil jual benih 'padi hantu' yang tidak diketahui asal usul, berpenyakit

# Broker kaut untung, petani terduduk

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR dan ZULHILMI ZAINAL**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 27 APRIL**

KEMELUT isu pembekalan benih padi tidak sah kepada pesawah menjadi lebih kronik apabila didapati wujud 'orang tengah' yang dikesan mengaut keuntungan besar dengan membekalkan benih berpenyakit atau lebih dikenali 'padi hantu'.

Gelaran padi hantu itu amat popular dalam kalangan pesawah memandangkan ia bukan diperoleh daripada pembekal sah serta tidak diketahui asal usul termasuk varietinya malah didatangkan hanya dalam guni putih tanpa sebarang label perakuan kerajaan.

Lebih membimbangkan, orang tengah atau pembekal haram terbabit akan bertindak mempromosikan benih tersebut dengan mendakwa pesawah bakal meraih jumlah pengeluaran lebih daripada biasa serta memiliki sifat rintang pelbagai penyakit.

Keadaan bertambah parah, apabila semakin ramai pesawah menyebarkan fakta tidak benar itu, sembang mulut ke mulut membuatkan ramai terpengaruh dan menggunakannya.

Walhal, benih tersebut tidak mengikut spesifikasi dan pengesahan Jabatan Pertanian selain amat berisiko tinggi berpenyakit termasuk tidak diketahui prestasi hasil pengeluarannya.

Dalam erti kata mudah, penggunaan benih 'padi hantu' ibarat pesawah memperjudikan perusahaan mereka di mana keputusan akhir penanaman tiada jaminan.

Menurut sumber, antara punca petani membeli benih cenderung membeli benih 'padi hantu' itu adalah kerana faktor harganya yang murah berbanding benih padi sah.

"Benih 'padi hantu' mereka tidak proses, ia hanya dikeringkan dan terus dibungkus dalam guni, paling bahaya kawasan serangan penyakit juga mereka ambil jadikan benih. Itu yang tersebar penyakit ke banyak kawasan seluruh negara.

"Macam-macam nama mereka beri, padi Megawati, Sukarno dan Hibrid untuk promosi. Tetapi yang kasihan petani, mereka tidak tahu pun daripada mana datang benih itu yang akhirnya orang tengah kaya, petani rugi terduduk," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan negara bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Laporan penggunaan benih 'haram' yang tidak menepati piawaian di bawah standard Jabatan Pertanian itu amat berisiko khususnya dalam aspek pengawalan penyakit termasuk menjejaskan tanaman padi pengusaha lain.

Tambah sumber, usaha bagi membendung penjualan benih haram atau padi hantu itu agak rumit berikutan pembekalan itu dilakukan oleh orang tengah yang sukar dikesan.

"Mereka licik guna broker dan urusan jual atas tangan ke atas tangan lain menyebabkan punca pembekalan itu sukar untuk dikenal pasti.

"Broker ini akan bergerak dan pasang kaki di tempat tertentu di setiap negeri bagi membekalkan padi hantu ini," ujarnya.



**MOHAMAD SULAIMAN SELAMAT bersama Pegawai Pertanian Daerah Kuala Selangor, Rostidah Sapikit melawat petak sawah yang diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria di Sawah Sempadan, Tanjung Karang, Selangor, baru-baru ini.**

# Guni 'putih' punca BPB - Pesawah

**KUALA LUMPUR 27 April** - Seorang pesawah mengesahkan penggunaan benih tidak sah di tapak sawahnya memakan diri apabila tanamannya diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).

Perkara itu diakui Mohamad Sulaiman Selamat, 61, yang turut memaklumkan tidak menyangka benih padi yang dibeli daripada orang tengah itu tidak sah sehingga berisiko menyebabkan tanamannya diserang bakteria tersebut.

"Saya tidak tahu jenis benih padi apa kerana guni putih, tiada label dan cop kerajaan, saya beli dengan seorang individu di kawasan ini, tanam di petak sawah dan tiba-tiba disahkan sudah kena BPB.

"Perkara itu disedari apabila pihak Jabatan Pertanian memacak papan notis pemberitahuan yang mana petak sawah saya sudah dijangkiti BPB. Terkejut juga," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut pesara guru itu, ancaman penyakit BPB itu kini menyerang 1.2 hektar petak sawahnya di Blok N, Sawah Sempadan di Tanjung Karang dan keadaan itu sudah mendapat perhatian Jabatan Pertanian sebagai langkah berjaga-jaga dikhuatiri tersebar ke kawasan sawah padi sekitarnya.

"Penularan wabak itu sememangnya berkait rapat dengan bekalan biji benih berkenaan kerana proses penanaman padi yang dijalankan adalah seperti musim-musim sebelumnya iaitu membakar, membajak serta meracun, tidak timbul pula sebarang masalah.

"Bukan nak kata, sebelum ini petak sawah saya bebas daripada sebarang penyakit sedemikian, masalah ulat batang itu tetap ada namun tidak seburuk jangkitan BPB seperti hari ini," ujarnya.

Tambah Mohamad Sulaiman, ejen, broker dan pembekal yang tidak sah perlu dikenal pasti serta dielakkan segera kerana ia bakal mendatangkan kerugian yang lebih besar kepada pesawah.

"Saya menaruh harapan tinggi supaya pembekalan benih padi sah dijalankan Jabatan Pertanian semula. Saya rasa langkah ini sedikit sebanyak berupaya memastikan soal pengagihan benih padi sah dalam kalangan pesawah lebih terjamin seperti sebelum ini," katanya.

# Tiada apa yang tinggal, apa nak makan?

**KUALA LUMPUR 27 April** - Kos melebihi hasil. Itulah antara dugaan pesawah yang terpaksa berhadapan dengan kerugian teruk apabila tanaman diusahakan diserang penyakit akibat penggunaan benih tidak sah.



**MUHAMAD OTHMAN MD. ALI**

Lebih menyedihkan, Muhamad Othman Md. Ali, 63, memaklumkan penat lelah membanting tulang menjadi sia-sia berikutan hasil tuaian diperoleh hanya mencecah 20 peratus daripada jumlah disasarkan iaitu 10 tan bagi sehektar tapak sawah.

"Kalau 20 peratus itu lebih kurang dua tan hasilnya bersamaan kira-kira RM2,000, apa nak makan kalau semua duit itu digunakan untuk beli anak benih, racun dan bayar mesin padi, apa yang tinggal.

"Isteri dan anak-anak perlu diberi makan. Itulah risiko kalau dapat benih padi yang tidak berkualiti, yang kaya orang jual benih, yang teraniaya kami," katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* di Tanjung Karang, Selangor baru-baru ini.

Ditanya sama ada penggunaan benih tidak sah menjadi punca masalah tersebut, Muhamad Othman menjelaskan, dia tidak menolak kemungkinan tersebut memandangkan agak sukar untuk seseorang petani mengenal pasti varieti benih padi diperoleh.

"Ya, kita tidak tahu asal usulnya dari mana mereka ambil benih itu, mungkin dari kawasan serangan sawah lain sebelum dijual kepada petani.

"Kalau ditaburkan benih daripada guni memang sukar untuk tahu jenis apa, melainkan kita melihat pokoknya, sebab itu padi hantu atau guni putih ini agak berisiko, malah kalau syarikat swasta yang dipertanggungjawabkan kerajaan pun bekal benih berpenyakit menggunakan guni kerajaan, apa kami boleh buat," katanya.

Sehubungan itu, pesawah terbabit yang sudah mengusahakan tanaman tersebut sejak 1993 amat berharap kerja-kerja pembekalan padi dikembalikan semula kepada Jabatan Pertanian sekali gus sedikit sebanyak dapat membendung masalah benih tidak sah terus menjadi isu yang menghantui industri padi negara.

"Penanam padi cuma mahukan Jabatan Pertanian kembali membekalkan benih-benih padi yang sah kepada penanam padi bukannya melihat kelibat wakil swasta atau ejen yang tidak sah latar belakangnya.

"Mana tidaknya, benih padi main 'belasah' saja, yang jadi mangsa adalah petani sedangkan tauke racun dan benih yang terus kaya," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 4 |

Jelebu

# Buka peluang ambil alih NFC

Kerajaan negeri mengalu-alukan mana-mana syarikat tempatan berminat mengambil alih projek National Feedlot Corporation (NFC) yang dikatakan gagal sebelum ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Bakri Sawir berkata, projek itu sudah lama terbiar.

Katanya, kerajaan negeri sebelum ini merancang memajukan semula projek itu dengan mengarahkan beberapa agensi menjalankan kajian.

"Kami menyokong usaha itu kerana daripada urus guna tanah, kerajaan negeri mendapat pulangan," katanya selepas menghadiri program Jom Poie Gedung Makanan Negara (GMN) di Felda Titi, di sini, semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang itu yakin Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mempunyai perancangan tersendiri memajukan NFC.

"Pada hemah saya, industri ternakan lembu kini mendapat permintaan tinggi. Sehubungan itu, NFC perlu dibangunkan dan diuruskan dengan baik," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/4/2019 | BERITA HARIAN | ALAM SEKITAR | 51 |

# Nelayan kesal aduan tak dilayan, tangkapan merosot

**Kuala Selangor:** Air hitam yang berbau busuk dengan permukaan berminyak, berkeladak serta kotor menimbulkan keresahan dalam kalangan nelayan sekitar Bagan Sungai Buloh, Jeti Kebun Kerang, dekat Jeram, di sini.

Bukan sekadar bimbang, malah mereka kesal kerana aduan demi aduan kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) seolah-olah di pandang sepi.

Tinjauan *BH* sebelum ini mendapati air hitam yang berkeladak itu berminyak di permukaannya, selain mengeluarkan bau kurang menyenangkan.

Nelayan tempatan yang ditemui, Kahar Buntal, 67, mendakwa keadaan sungai terbabit mulai berubah sejak 2000, dengan air mulai kotor sedikit demi sedikit, sehingga kini bertambah teruk.

"Air kini kotor, berbau busuk dan permukaannya kelihatan berminyak. Sebelum pencemaran ini, siakap, udang galah, ketam, baung, lundu, gelama, mayong dan pari mudah diperoleh, tetapi kini hampir semua ikan pupus," katanya.

## Hasil tangkapan terjejas

Beliau berkata, kepupusan ikan bermakna hasil tangkapan turut terjejas, seterusnya menyebabkan pendapatan mereka merosot teruk.

"Jauh beza pendapatan dahulu dengan sekarang. Kalau dulu sehari mampu dapat sehingga RM300, kini separuh pun belum tentu dapat.

"Dahulu hasil kerang memang lumayan, tetapi sekarang usahkan kerang, benihnya pun tak ada. Tahun lalu langsung tak dapat hasil kerang. Jadi, untuk kelangsungan hidup, kami terpaksa juga berusaha seperti membawa orang memancing dan mereka yang mahu melawat sungai sambil meninjau burung.

"Namun, keadaan air sungai begini, ada kemungkinan pelancong pun takut nak datang, tengok air dengan baunya, ada antara mereka tengok keadaan dan bau air terus tutup hidung," kata warga tua yang menghabiskan 40 tahun daripada hayatnya sebagai nelayan.

Kahar berkata, beliau dan nelayan lain kecewa dengan apa yang terjadi pada sungai itu, kerana pihak tidak bertanggungjawab mencemarkan tempat mereka mencari rezeki.

## Campur tangan pihak berwajib

Beliau serta nelayan lain di situ mengharapkan pihak berwajib bertindak tegas dan berusaha, supaya air sungai kembali seperti sedia kala.

"Pihak berkuasa perlu ambil tindakan, mungkin ketika ini kandungan air belum teruk tetapi akan datang kita tidak tahu, takut lepas ini terjadi seperti Sungai Kim Kim di Johor.

"Berdasarkan pemerhatian kami, sungai ini mungkin dicemari sisa dari kilang yang terletak kira-kira 20 kilometer dari jeti, membawa ke laut.

"Keadaan air ini mengganggu nelayan kerana kira-kira 400 menggunakan laluan sungai ini menuju ke laut untuk mencari hasil tangkapan," katanya.



"Air kini kotor, berbau busuk dan permukaannya kelihatan berminyak. Sebelum pencemaran ini, siakap, udang galah, ketam, baung, lundu, gelama, mayong dan pari mudah diperoleh di sini, tetapi kini hampir semua ikan pupus"

***Kahar Buntal,***
*Nelayan*

(FOTO FAIZ ANUAR/BH)



***Air hitam dan berbau busuk dengan permukaan berminyak serta kotor,*** *menjadi kebimbangan nelayan di Bagan Sungai Buloh, Jeti Kebun Kerang, Jeram.*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Durian: Syarikat Malaysia dan China jalin kerjasama | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Durian: Syarikat Malaysia dan China jalin kerjasama

BEIJING : Sempena penganjuran Forum Jalur dan Laluan Untuk Kerjasama Antarabangsa, festival durian diadakan di sini untuk mempromosikan 'raja buah'Malaysia itu kepada rakyat China.
Acara itu yang berlangsung dua hari bermula semalam, dianjurkan oleh syar...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Kenal pasti barangan keperluan

***KPDNHEP sedang berbincang untuk memasukkan kelapa sebagai barangan kawalan***

MOHD ISKANDAR OTHMAN

**GEORGETOWN**



Saifuddin (tiga dari kanan) menunjukkan durian yang sedlakan secara percuma kepada orang ramai sempena Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia di Georgetown, malam kelmarin.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk meneliti beberapa barangan keperluan pengguna yang perlu dimasukan sebagai barangan kawalan.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya telah mengadakan perbicangan bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi mengenal pasti barangan berkenaan dan memasukannya sebagai barangan kawalan termasuk komponen sayur-sayuran.

Menurutnya, setakat ini pihaknya bercadang untuk memasukkan kelapa sebagai barangan kawalan, namun belum menetapkan sama ada ia akan dimasukkan dalam barangan kawalan sepanjang masa seperti minyak masak, tepung dan gula ataupun hanya Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) sahaja.

"Kami telah adakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana kita adalah kementerian yang mengawal bekalan dan kelapa adalah salah satu produk yang dibawa masuk dengan menggunakan permit import (AP). Kita dapati harga kelapa yang dibawa masuk ke negara ini lebih murah dengan harga kelapa tempatan iaitu 85 sen sahaja.

"Tetapi keperluan kelapa ini sangat banyak dan hampir setiap hari kita guanakan terutama pada musim perayaan. Jadi sama ada kita nak masukkan juga sebagai item barangan kawalan semasa perayaan atau nak masuk sebagai item barangan di luar musim perayaan itu belum kita tentukan lagi," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia di Georgetown, malam kelmarin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin; Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muaz Abdul Aziz dan Pengarah KPDNHEP Pulau Pinang, Mohd Ridzuan Ab Ghapar.

Saifuddin berkata, pihaknya juga telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mendapat kepastian dari sudut bekalan.

Menurutnya, tiada makna pihaknya membuat harga kawalan sekiranya bekalan barangan tidak terjamin.

Sementara itu, Saifuddin berkata, pihaknya juga sedang meneliti empat barangan keperluan lain yang akan dimasukkan sebagai barangan kawalan, namun ia masih pada peringkat kajian.

Mengulas mengenai Kempen Beli Barangan Malaysia, Saifuddin berkata, Kementerian Kewangan telah memperuntukan sebanyak RM20 juta untuk pihaknya menjayakan kempen itu di seluruh negara.

Menurutnya, kempen tersebut akan dilaksanakan di seluruh Malaysia dan ia memberi peluang kepada rakyat untuk jimat berbelanja, selain menyokong usahawan tempatan yang mengeluarkan produk mereka.

"Penganjuran kempen selama tiga hari di Pulau Pinang ini adalah penganjuran kali kedua. Sebelum ini kempen yang sama telah diadakan di Sandakan, Sabah.

"Seterusnya ia akan berlangsung di Kulim Kedah dan diikuti Port Dickson, Negeri Sembilan yang akan diadakan pada 4 Mei ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |

# Festival Durian Malaysia jadi tumpuan di Beijing

**Beijing:** Durian atau 'Raja Buah', antara produk Malaysia dipamer sempena Forum Kerjasama Antarabangsa Jalur dan Laluan (BRF) kedua yang berlangsung selama dua hari di sini, berakhir semalam.

Festival Durian Malaysia di Hotel China World itu dianjurkan PLS Plantation Berhad (PLS Plantation) dengan beberapa dulang produk dihasilkan daripada durian.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut meluangkan masa menghadiri festival berkenaan, selain menyaksikan pertukaran dokumen di antara syarikat Malaysia dan China untuk meningkatkan lagi hubungan perniagaan dalam dagangan durian.

Pada majlis itu, PLS Plantation menandatangani perjanjian dengan Shanghai Greenland Group (Shanghai Greenland), ZTE Corporation dan Shanghai PTSKY dari China serta FGV Holdings Berhad (FGV) dari Malaysia.

Syarikat berkenaan juga memeterai perjanjian perkongsian strategik dengan Shanghai Greenland bagi membentuk Greenland-PLS Joint Venture untuk mengimport, menjual dan memasarkan produk berasaskan durian.

Sejak itu, syarikat usaha sama berkenaan berjaya mengimport produk sejuk beku pelbagai spesies durian, antaranya D197 'Musang King' dan D24 'Sultan King'.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | STAR | STAR LIFE STYLE | 6 |




Lim (left) and Chen are part of the team behind Langit, who are hoping to better the lives of rural farmers in Sarawak and encourage young farmers to return to their agrarian way of life. – Photos: SAM THAM/The Star



The Long Semadoh farmers work hard for six months of the year and let the land rest for the remaining six months to promote better yield. – Langit Collective

# A growing rice bowl

**Langit Collective works to collect and sell surplus heirloom rice produced by rural farmers in Sarawak in an effort to advance the community's economic opportunities.**

By ABIRAMI DURAI
star2@thestar.com.my

A few years ago, four young people were thrown into each other's company while working together at a non-profit organisation. The four were tasked with running infrastructure projects like gravity-fed water systems in rural areas in Sabah and Sarawak, an undertaking that soon led to an awakening of sorts.

"Along the way, we realised we were solving one problem at a time, like building water sources to these villages, for instance. But beyond that, what was going to happen? The people there would still be in a very difficult situation.

"Then we realised that a lot of these rural communities have some form of agriculture within their land. So we thought why not try to bring economic opportunities to them?" says Melisa Lim Siew Ming, one of the founders of Langit Collective.

Langit Collective (www.langit.com.my) is a social enterprise founded by Lim and her friends Chen Le Leng, Chan Zi Xiang and Chia Yong Ling. The organisation collects, packages and sells heirloom rice produced by smallholder farmers from the Lun Bawang community in the rural area of Long Semadoh in Lawas, Sarawak to consumers and chefs in Peninsula Malaysia.

The area is a pristine, untrammeled valley reachable only via a four-hour off-road drive from the nearest town, with a community made up of subsistence farmers who plant rice for their own consumption, typically selling off any excess that they produce.

The four were inspired to start the business when they discovered that the farmers there were essentially wasting the rice they worked so hard to harvest.

"The farmers fed us rice five times a day and when we told them we couldn't finish all the rice, they said, 'It's okay, we will just feed it to the livestock.'

And for us, it was complete horror – this is when we realised there was an issue of excess. They had too much that went to waste because they couldn't convert it into income opportunities because of their remote location," says Lim.

The stark reality of the situation also became clearer to the friends when they found out that farmers often had to fork out large sums of money to transport both themselves as well as their rice to the nearest towns. Once they were there, they had to compete with other rice producers and often ended up getting a pittance for their hard-earned produce, which they still plant and harvest by hand.

"It just doesn't commensurate with the work, which is very manual. So a lot of the farmers would rather not sell, because it doesn't make sense, " says Chen.

Chastened by this sad, vicious cycle, the four friends set about changing this sorry state of affairs.

## Rice-ing to the occasion

For starters, the team brought 30kg of rice from Lawas back to KL and quickly sold that off. But then, they realised they didn't know what to do next. So they applied for and got into MaGIC's acceleration programme (the largest start-up acceleration programme in South-East Asia) and basically spent four months learning how to run a business.

Then, just when things were picking up, the friends ran into another roadblock when they discovered they needed to apply for multiple licenses in order to adhere to local legislation.

"In order to apply for the licenses, you need to be quite capital-rich and you need to have a physical premise, which means you need to start paying rental. So all this was affecting our operational cost at the time, because we were and still are such a small outfit," says Chen.

Eventually, after years of trying to find a solution, the team figured out how to work through the licensing structure in Peninsula Malaysia. In Sarawak, they piggy-back on friends' licenses, shipping their products through them, since their quantities are still very little – only about 10 tonnes collected every four months.

## How it works

These days, the Langit team alternates between KL and Borneo, often spending up to a month at a time working on-ground with the 45 farmers they have now signed up (from an initial three farmers). Most of the work involves ensuring that the rice grown is chemical-free, a move that is in tandem with demand they have noticed for organically-grown produce.

"Getting to our business meetings can mean a one-hour walk to the next village, so that's why we need to spend a lot of time there," jokes Lim.

Once the rice is harvested, the team literally picks up the crops at the farmers' doorsteps and hires local transporters with four-wheel drives to cart the bounty back to town, where local ladies package the products, before they are shipped to Peninsula Malaysia.

## Preserving heritage seeds and land

In Long Semadoh, padi fields are still tended to according to traditional methods. For six months of the year, the land is allowed to rest and water buffaloes roam the fields, eating the remaining stalks and pooping wherever they please, allowing the soil to be naturally fertilised.

Even though six months may seem like a long time to take a

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/4/2019 | STAR | STAR LIFE STYLE | 7 |



The Lun Bawang farmers still plant and harvest by hand, meaning that it's tough, manual work. – Langit Collective



All the rice sold by Langit is unpolished, as that is how the farmers like their rice.




Langit Collective also offers ground ginger from Sabah and black pepper grown by a young farmer in Sarawak.

break from farming, Chen says this process actually helps nurture the ecosystem.

"It's about sustainability, the farmers are actually complementing the environment, rather than depleting resources in the name of production.

"And when we compare the yield per acre in conventional farming versus ours, the yield is almost the same! And sometimes ours is better and that's without any chemicals or pesticide. So we're thinking that maybe this can be a model that people can start adapting for the future of food security," says Chen.

Another important component to what Langit is doing is helping preserve heirloom seeds. The farmers under Langit's care all use seeds that date back generations, something Langit is determined to sustain.

"They plant but then there is no market for it. And hence they plant less and less. So these seeds are at risk of dying off as well, because the planting community is ageing.

So it's something that we want to push, because we are running against time. In another 10 to 15 years, we are probably at risk of losing all these heritage seeds," says Chen.

## Variety is the spice of life

Although the farming community in Long Semadoh grow all kinds of rice, Langit Collective only sells a few kinds – vacuum-packed bags of white rice like beras adan and beras salleh, priced at RM21 for 960g and red rice (beras sia) and black rice (beras rumi and beras keladi), priced at RM22 for the same weight. All the rice is polished, as this is reflective of the community's cultural preferences.

"We wanted to celebrate their culture, because this is what they eat. They always prefer polished rice to unpolished rice. And the rice tastes really good, all the chefs we've sent it to say they have never tasted anything like it," says Chen.

Langit also sells Sarawak black pepper (lada bihis) sourced from a young farmer who lives on a hill in Serian, Sarawak that can only be accessed through a steep 45-minute hike; as well as ginger powder (layo) from the ginger-producing area of Keningau in Sabah.

The rice can be purchased online on their website www.langit.com.my and can be tasted in restaurants like Dewakan and Bobo KL as well as hotels like the Grand Hyatt KL.

The Langit team also works to ensure that farmers are paid fairly, based on a price that both parties agree to from the outset. The farmers are also paid upfront once the rice is collected.

"In Lawas town, they actually sell rice in gantang (one gantang is about 3.5kg). So for one gantang of white rice in Lawas, the farmers get about RM15. But we agreed to buy it for between RM25 to RM27. So it's a price that they're happy with because they don't have to pay for transportation," says Chen.

## Sprouting wings

The Langit team has spent the last few years laying the groundwork with farmers, developing the building blocks that they hope will spur their little social enterprise to success. And Chen says even if their business grows, farmers will not have to increase their rate of production.

"For the farmers, they don't have to increase their workload, because right now we are getting those 45 farmers' excess rice. And there are 200 farmers in that region, so if we can get all those 200 farmers then it will be a lot of rice. So we don't need to grow in that sense, but we need to grow our market more aggressively," says Chen.

This will take the form of talking to more chefs and educating consumers on why their products carry a heftier price tag.

"I think it is important for consumers to know that these are the real costs and prices that a product should be. Because in the production chain, farmers are always in the most vulnerable state - they get paid the least.

"And if you don't give them a good income, they won't produce good food for you. And it's a vicious cycle, people will be eating subpar food, because farmers are not getting a good income," says Chen.

Langit's long-term goal is also to help continue the long-standing agrarian culture of the people in Long Semadoh. Local farmers are aged between 49 and 80, and the team has noticed that the younger generation are moving away from the valley, at the behest of their elders who think there is no economic future in the area. But the Langit team is hopeful this will soon change.

"That's why it's even more important to do what we're doing now. If the farmers can generate an income and we can prove that the model works, then maybe the youths will say 'Eh, maybe I can come back'," says Chen.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | NST | NEWS | 3 |

# Promoting Malaysia's durian in China

**BEIJING:** A slight but distinct aroma of the King of Fruits wafted through the air within the ballroom of a hotel here as booths were set up to promote durian and its products in China.

A two-day Malaysia Durian Festival was organised in conjunction with the Belt and Road Forum for International Cooperation (BRF) by PLS Plantation Bhd, a Malaysian public-listed company at the China World Hotel.

There were trays of durian products on display, among them cakes, tarts, chocolates and even burgers.

Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad and his wife, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, attended the festival yesterday to take a look at the products showcased.

Dr Mahathir witnessed an exchange of documents between Malaysian and Chinese companies to enhance their business relationship in durian trading.

PLS Plantation had signed a Heads of Agreement with Shanghai Greenland Group, ZTE Corporation and PTSKY from China, and FGV Holdings Bhd from Malaysia earlier.

In March, PLS Plantation had signed a strategic partnership agreement with Greenland, to form Greenland-PLS Joint Venture for the import, sales and marketing of durian products.

Since then, Greenland-PLS Joint Venture had successfully imported products, mainly frozen, derived from many popular Malaysian durian species, such as D197 Musang King and D24 Sultan King.

PLS Plantation, in a statement, said it was confident that durian from Malaysia would be in demand and distributed to various cities in China.

"Through our collaboration with FGV Holdings, Shanghai Greenland Group and ZTE Corporation and Shanghai PTSKY, PLS Plantation trusts that agricultural development in Malaysia will be advanced to another level and contribute to the overall economy of Malaysia."

According to trade data compiled by the United Nations, durian exports to China have been increasing by an average of 35 per cent annually, and were estimated to be worth US$1.1 billion (RM4.5 billion) in 2017, significantly higher than the US$243 million a decade ago.



*Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad and his wife, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, visiting a booth at the Malaysia Durian Festival in Beijing yesterday.* BERNAMA PIC

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/4/2019 | BERITA HARIAN | DASAR DAN PENTADBIRAN | 4 |

[FOTO MIKAIL ONG/BH]



***Saifuddin bersama peserta** pada Program Kayuhan Pengguna Bijak di Georgetown, semalam.*

**SKIM KAWALAN HARGA**

# Tempoh penguatkuasaan dilanjut mulai Ramadan

Langkah elak manipulasi, kenaikan harga pada musim perayaan

**Oleh Siti Sofia Md Nasir**
siti.sofia@bh.com.my

**Georgetown**

Jenis barang dalam senarai skim kawalan harga akan ditambah manakala tempoh penguatkuasaannya dipanjangkan bermula Ramadan ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata konsep skim kawalan harga baharu itu dikuat kuasa bagi memastikan tidak berlaku manipulasi atau kenaikan harga barang kawalan pada musim perayaan.

**Belum putus senarai harga**

"Kita belum putuskan berapa panjang tempoh yang sesuai dan senarai harga barangan.

"Bagaimanapun, yang pasti ia lebih panjang berbanding sebelum ini, malah senarainya mungkin bertambah. Apa pun tunggu ia diumum nanti," katanya ketika ditemui semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri Program Kayuhan Pengguna Bijak, di sini.

Skim kawalan harga yang dilaksanakan KPDNHEP pada setiap musim perayaan khususnya Aidilfitri, biasanya dikuat kuasa sekitar 15 hari iaitu sebelum, ketika dan selepas sambutan Aidilfitri.

Sementara itu, Saifuddin berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memastikan bekalan cili merah tidak terputus kepada pengguna.

**Pastikan bekalan mencukupi**

Beliau berkata, larangan kemasukan cili merah Vietnam ke negara ini menyebabkan KPDNHEP bimbang mengenai bekalan sayuran itu, terutama menjelang musim perayaan.

"Sebenarnya kita banyak bergantung kepada cili merah Vietnam, namun kita sudah berbincang dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani untuk pastikan bekalan sentiasa mencukupi," katanya.

Pada September tahun lalu, kerajaan mengumumkan larangan kemasukan cili merah dari Vietnam selepas ia disahkan mengandungi sisa racun terlarang.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sarawak target to achieve food export by year 2030 | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Kuching) | | |
| Date | 28 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 45,720 |
| Page No | 29 | Readership | 137,160 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 522 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,796 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,389 |







# 砂推動技術密集型農業

## 實現2030年淨食品出口

### 农业转型减食品进口

### 专注于4种农作物种植

### 香蕉脆片出口中国

### 中国榴梿市场需求量大

### 设农业园供出租

Powered by: isentia